

Newspaper : Harian Metro

Section : Bisnes

Date : 18 Mei 2009

Page : 22

Title : Laba MRCB RM 2 juta

## Laba MRCB RM2 juta

**M**ALAYSIAN Resources Corporation Bhd (MRCB) mencatatkan keuntungan RM2 juta pada suku pertama berakhir 31 Mac 2009 berbanding kerugian RM20.3 juta pada suku sebelumnya.

Prestasi positif itu berpunca daripada margin pengoperasian yang bertambah baik meliputi aktiviti perniagaannya kecuali pembangunan hartanah.

Kumpulan itu juga mencatatkan perolehan RM152.6 juta pada suku pertama, penurunan 14 peratus berbanding RM177.1 juta dalam suku sama tahun lalu.

Pengarah Urusan Kumpulan, Shahril Ridza Ridzuan, berkata walaupun pelbagai cabaran dan ketidakpastian berlaku dalam persekitaran ekonomi dalam negara dan global, perancangan perniagaan kumpulan kekal tidak berubah.

"Harga bahan binaan yang merudum juga memberikan banyak kelegaan kepada kumpulan yang melaksanakan projek sedia ada dalam pembinaan dan pembangunan hartanah membabitkan ruang komersial yang luasnya empat juta kaki persegi di Kuala Lumpur Sentral," katanya dalam satu kenyataan.